

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)7

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

7. Apakah kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelancongan kesihatan (medical tourism) dan usaha yang diambil untuk mengekalkan status Pulau Pinang sebagai hab serantau tersebut?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. Pulau Pinang kini diiktiraf sebagai hab pelancongan kesihatan terkemuka di Malaysia dan Asia Tenggara, hasil gabungan kemudahan perubatan bertaraf antarabangsa, kepakaran profesional kesihatan yang diiktiraf global serta sokongan infrastruktur pelancongan yang mantap. Negeri ini menyumbang lebih daripada 40% daripada jumlah pelancong kesihatan ke Malaysia dan menjadi antara destinasi utama bagi pesakit antarabangsa terutamanya dari Indonesia dan China mencari rawatan berkualiti tinggi pada kos yang lebih berpatutan

berbanding destinasi serantau lain seperti Singapura atau Bangkok.

Pulau Pinang mempunyai hospital swasta bertaraf antarabangsa yang dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk sistem pembedahan robotik, rawatan kanser berasaskan teknologi moden, serta kemudahan kardiologi dan ortopedik yang setanding dengan negara maju. Kualiti penjagaan kesihatan yang tinggi, digabung dengan persekitaran pelancongan yang selesa dan akses mudah, menjadikan negeri ini pilihan utama bagi pelancong kesihatan antarabangsa.

Melalui *Penang Centre of Medical Tourism (PMED)* di bawah Penang Global Tourism yang mempunyai 18 keahlian institusi hospital dan kesihatan, Kerajaan Negeri terus memperkukuh ekosistem pelancongan kesihatan melalui pelbagai inisiatif strategik antaranya melalui kerjasama dengan syarikat penerbangan seperti AirAsia melalui *Boarding Pass Programme*, promosi bersama Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC), penyertaan dalam ekspo antarabangsa seperti *Malaysia Healthcare Expo (MHX)* di Bandung dan Jakarta, serta

menganjurkan program *familiarisation trip* kepada ejen pelancongan dan penggiat media luar negara.

Selain itu, Pulau Pinang juga menonjol dalam pendekatan *wellness tourism* yang menggabungkan rawatan kesihatan moden dengan pengalaman pemulihan berasaskan gaya hidup sihat seperti spa kesihatan, rawatan holistik, dan pelancongan alam semula jadi. Dengan strategi promosi yang disokong oleh Penang Global Tourism (PGT) dan PMED, negeri ini bukan sahaja kekal sebagai destinasi utama pelancongan kesihatan Malaysia, tetapi juga sedang bergerak ke arah menjadi hab pelancongan perubatan serantau bertaraf dunia menjelang tahun 2030.